

**Kesan Emosi yang Dihadapi oleh Wanita yang Bercerai Akibat Keganasan
Rumah Tangga: Satu Kajian Di Negeri Johor**

NURFADHILAH BINTI YAHYA

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana
Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

JANUARI, 2014

DEDIKASI

*Istimewa Ayahandaku
Kepada Bunda ,
Serta
Seisi Keluarga
Atas Pengorbanan
Dan Iringan Doa Kalian.*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT di atas segala limpah kurnia, rahmat dan petunjuk-Nya membolehkan laporan penyelidikan ini berjaya disiapkan. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta sahabat-sahabat Baginda yang sama-sama berjuang untuk menegakkan agama Allah SWT di muka bumi ini.

Penghargaan ikhlas dan jutaan terima kasih kepada penyelia kajian ini iaitu Prof. Madya Dr. Hj. Mohammed Sharif bin Hj. Mustaffa di atas segala panduan, tunjuk ajar, petua, teguran, dorongan dan buah fikiran sepanjang tempoh menyiapkan projek sarjana ini. Allah SWT jua yang akan membalas segala sumbangan kalian. Penulis juga merakamkan penghargaan kepada para responden yang memberi sumbangan dalam temu bual sehingga kajian tinjauan ini berjaya disiapkan.

Penghargaan juga diberikan kepada ibu, ayah, adik beradik serta teman-teman yang memberikan bantuan dan sesiapa juga yang telah memberikan sumbangan kepada penyelidikan ini secara langsung atau pun secara tidak langsung. Semoga semuanya diberikan inayah dan keberkatan hidup oleh Allah SWT di dunia yang fana ini seterusnya kebahagiaan di akhirat kelak. Amin.

ABSTRAK

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang mengkaji kesan emosi yang di alami oleh wanita muda yang bercerai akibat keganasan rumah tangga satu kajian kes di negeri Johor. Kajian ini bertujuan mendapatkan persepsi wanita muda mengenai faktor keganasan rumah tangga, punca keganasan rumah tangga, kesan yang di alami oleh wanita muda yang di ceraikan akibat keganasan rumah tangga serta bentuk sokongan yang diperlukan. Kajian yang di jalankan secara kualitatif ini dilaksanakan kepada wanita muda yang bercerai yang tinggal di kawasan Bandar dan luar Bandar di Johor Bahru melalui kaedah temu bual sepenuhnya dengan mengeluarkan tema utama serta sub-sub tema untuk menyokong dapatan kajian. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Nvivo* untuk menstrukturkan tema-tema selaras dengan teks temu bual yang diperolehi daripada responden. Keputusan kajian mendapati dua tema faktor keganasan rumah tangga yang mencatatkan kekerapan tertinggi dengan 88.8 peratus iaitu aspek segi ekonomi dan keganasan fizikal. Tema kesan emosi dari segi kemurungan, tekanan dan trauma turut mencatatkan 88.8 peratus diikuti dengan tema cara penyesuaian diri iaini penarikan 77.7 peratus dan bagi tema bentuk sokongan yang diperlukan sebanyak 100 peratus menyatakan mendapat sokongan daripada keluarga dan 44.4 peratus mendapat sokongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajian menunjukkan bahawa perkhidmatan kaunseling dan psikologi harus menumpukan ke atas tekanan emosi yang di alami oleh wanita bercerai akibat keganasan rumah tangga.

ABSTRACT

Current qualitative study examined the impact of emotions experienced by young women who are divorced due to domestic violence a case study in Johor. This study aimed at getting young women's perception of the factor of domestic violence, which causes emotional effects and self adjustments. This study was conducted on young divorce women living in Johor Bahru, Johor. An interview completely analysed the main theme and sub-themes to support the findings. These data were analyzed using *Nvivo* software to restructure in line with the themes derived from interview respondents. The result showed that two themes of domestic violence factors which were recorded the highest frequency with 88.8 percent of the aspects of economic and physical violence. Theme effects of emotional depression, stress and trauma also registered 88.8 percent, followed with theme self adapting method 77.7 percent and the theme of support needed recorded 100 percent said get support from family and 44.4 percent received support from the Department of Social Welfare. Finding shows that counseling and psychological services should focus on the emotional distress experienced by young women who are divorced due to domestic violence.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|--------------|-------------------------------------|-------------------|
| | PENGAKUAN | i |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xii |
| | SENARAI RAJAH | xiii |
| | SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN | xiv |
| | SENARAI LAMPIRAN | xv |
| | | |
| BAB 1 | Pengenalan | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 4 |
| | 1.3 Penyataan Masalah | 11 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 14 |

| | | |
|------|--|----|
| 1.5 | Persoalan Kajian | 14 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 15 |
| | 1.6.1 Mangsa Keganasan | 16 |
| | 1.6.2 Masyarakat | 16 |
| | 1.6.3 Jabatan Agama Islam | 17 |
| | 1.6.4 Jabatan Kebajikan Masyarakat | 17 |
| | 1.6.5 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | 17 |
| 1.7 | Skop Kajian | 18 |
| 1.8 | Batasan Kajian | 18 |
| 1.9 | Kerangka Konseptual Kajian | 20 |
| 1.10 | Definisi Konsep dan Operasional | 21 |
| | 1.10.1 Definisi Keluarga | 21 |
| | 1.10.2 Penceraian | 23 |
| | 1.10.3 Keganasan Rumah Tangga | 24 |
| | 1.10.4 Tekanan | 25 |
| | 1.10.5 Kemurungan | 25 |
| | 1.10.6Trauma | 26 |
| | 1.10.7 Moral | 26 |
| | 1.10.8 Penafian | 27 |
| | 1.10.9 Penarikan | 28 |
| 1.11 | Penutup | 28 |

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

| | | |
|-----|-------------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan | 31 |
| 2.2 | Kajian Dalam Negara | 32 |
| | 2.2.1 Konsep Keganasan Rumah Tangga | 32 |

| | | |
|---------|---|----|
| 2.2.2 | Bentuk Keganasan Terhadap Wanita | 33 |
| 2.2.3 | Faktor-faktor Keganasan Rumah Tangga | 36 |
| 2.2.4 | Psikologi dan Personaliti Wanita Mangsa Keganasan Rumah Tangga | 39 |
| 2.3 | Kajian Luar Negara | 42 |
| 2.3.1 | Konsep Keganasan Rumah Tangga | 42 |
| 2.3.2 | Bentuk Keganasan Terhadap Wanita | 43 |
| 2.3.3 | Faktor-faktor Keganasan Rumah Tangga | 46 |
| 2.3.4 | Psikologi dan Personaliti Wanita Mangsa Keganasan Rumah Tangga | 51 |
| 2.3.4.1 | Penafian (<i>Denial</i>) | 54 |
| 2.3.4.2 | Perasaan Berbelah Bahagi | 54 |
| 2.3.4.3 | <i>Learned Helplessness</i> | 54 |
| 2.4 | Kitaran Keganasan | 55 |
| 2.4.1 | Kitaran Keganasan oleh Walker (1972) | 55 |
| 2.4.2 | Lima Fasa Kitaran Keganasan Francis Woods (1997) | 57 |
| 2.7 | Teori-Teori atau Model Berkaitan | 59 |
| 2.7.1 | Teori Perkembangan Psikoanalisis | 60 |
| 2.7.2 | Teori Perkembangan Psikososial | 64 |
| 2.4 | Penutup | 69 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|-------------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 70 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 71 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel Kajian | 75 |
| 3.4 | Kaedah Pengumpulan Data | 77 |
| 3.4.1 | Etika dan Prosedur Pengumpulan Data | 78 |

| | | |
|---------|--------------------------------------|----|
| 3.4.1.1 | Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif | 78 |
| 3.4.1.2 | Kaedah- kaedah Pengumpulan Data | 79 |
| 3.4.1.3 | Temu Bual Tidak Berstruktur | 79 |
| 3.4.2 | Etika Dalam Penggunaan Data | 81 |
| 3.5 | Instrument Kajian | 82 |
| 3.5.1 | Protokol Temu Bual | 85 |
| 3.6 | Kesahan Temubual | 86 |
| 3.7 | Kebolehpercayaan Temubual | 87 |
| 3.8 | Kaedah Penganalisan Data | 87 |
| 3.8.1 | Perisian Nvivo | 88 |
| 3.8.2 | Triangulasi Data | 89 |
| 3.8 | Penutup | 89 |

BAB 4 ANALISIS KAJIAN

| | | |
|-------|-------------------------------|-----|
| 4.1 | Pengenalan | 90 |
| 4.2 | Demografi | 91 |
| 4.3 | Faktor Keganasan | 94 |
| 4.3.1 | Usia Perkahwinan | 94 |
| 4.3.2 | Kronologi dan Punca Keganasan | 96 |
| 4.3.3 | Jenis Keganasan Rumah Tangga | 99 |
| 4.4 | Kesan Emosi | 102 |
| 4.4.1 | Tekanan | 103 |
| 4.4.2 | Kemurungan | 105 |
| 4.4.3 | Trauma | 107 |
| 4.5 | Cara penyesuaian Diri | 110 |
| 4.5.1 | Penafian | 111 |

| | | |
|-------|------------------|-----|
| 4.5.2 | Penarikan | 112 |
| 4.6 | Bentuk Sokongan | 114 |
| 4.6.1 | Sokongan | 114 |
| 4.7 | Rumusan Temubual | 117 |
| 4.8 | Penutup | 118 |

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 120 |
| 5.2 | Perbincangan | 120 |
| 5.2.1 | Perbincangan Demografi Kajian | 120 |
| 5.2.2 | Perbincangan Punca Keganasan Rumah Tangga | 125 |
| 5.2.3 | Perbincangan Kesan Keganasan Rumah Tangga | 127 |
| 5.2.4 | Perbincangan Cara Penyesuaian Diri Oleh Wanita Muda Bercerai Akibat Keganasan Rumah Tangga | 128 |
| 5.3 | Cadangan Tindakan | 128 |
| 5.3.1 | Golongan Wanita Muda | 128 |
| 5.3.2 | Peranan Masyarakat | 129 |
| 5.3.3 | Peranan Jabatan Agama Islam | 130 |
| 5.3.4 | Peranana Jabatan Kebajikan Masyarakat | 130 |
| 5.3.5 | Peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat | 131 |
| 5.4 | Cadangan Kajian Lanjutan | 131 |
| 5.5 | Penutup | 132 |

RUJUKAN

134

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

| NO.JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|---|-------------------|
| 1.1 | Bilangan Kes Keganasan Rumah Tangga Mengikut Negeri | 5 |
| 1.2 | Kes Baru Keganasan Rumah Tangga, 2010 | 6 |
| 4.1 | Profil Umur Responden | 93 |
| 4.2 | Tempat Tinggal Responden | 93 |
| 4.3 | Tahap Pendidikan Responden | 93 |
| 4.4 | Pekerjaan Responden | 93 |
| 4.5 | Bilangan Anak Responden | 94 |
| 4.6 | Usia Semasa Responden Berkahwin | 94 |
| 4.7 | Usia Perkahwinan | 94 |
| 4.8 | Punca Keganasan Rumah Tangga | 96 |
| 4.9 | Jenis Keganasan Rumah Tangga | 99 |
| 4.10 | Kesan Emosi | 102 |
| 4.11 | Tekanan | 103 |
| 4.12 | Kemurungan | 105 |
| 4.13 | Trauma | 107 |
| 4.14 | Cara Penyesuaian Diri Tema Penafian | 110 |
| 4.15 | Penafian | 111 |

| | | |
|------|--------------------------------------|-----|
| 4.16 | Cara Penyesuaian Diri Tema Penarikan | 112 |
| 4.17 | Penarikan | 114 |
| 4.18 | Bentuk Sokongan | 115 |

SENARAI RAJAH

| NO.RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|-----------------------------|-------------------|
| 1.1 | Rangka Kajian | 20 |
| 2.1 | The Cycle of Violence | 56 |
| 2.2 | Lima Fasa Kitaran Keganasan | 57 |
| 3.1 | Proses Penyelidikan | 72 |

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

| | | |
|-----|---|------------------------------|
| SPM | - | Sijil Penilaian Menengah |
| NGO | - | Badan- Badan Berkanun |
| JKM | - | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| WHO | - | Pertubuhan Kesihatan Sedunia |
| SES | - | Status Ekonomi Masyarakat |
| P | - | Pengkaji |
| R1 | - | Responden Pertama |
| R2 | - | Responden Kedua |
| R3 | - | Responden Ketiga |
| R4 | - | Responden Keempat |

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

A Protokol Temubual

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Allah S.W.T. telah menetapkan bahawa setiap kejadian di muka bumi dijadikan secara berpasangan (Mahani, 1997). Manusia dijadikan secara berpasangan agar dapat membentuk satu institusi kekeluargaan dalam masyarakat. Institusi ini dinamakan sebagai rumah tangga. Rumah tangga merupakan tahap pertama pembentukan masyarakat (Jami'ah, 2011). Rumah tangga dibentuk menerusi perkahwinan yang tertakluk kepada peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan dalam Islam. Perkahwinan akan membentuk satu institusi keluarga kecil yang terdiri daripada suami isteri, ibu bapa dan anak-anak (Siti Zalikha dan Zaleha, 2010). Keluarga sering digambarkan secara idealnya sebagai sumber kebahagiaan, keselamatan, keseronokan, sokongan, dan perlindungan di tengah-tengah perbalahan, persengketaan dan percanggahan yang terdapat dalam kehidupan harian. Ianya selaras dengan Wawasan 2020 dalam melahirkan masyarakat yang penyanyang.

Berdasarkan firman Allah S.W.T. di dalam Surah Yasin ayat 36 menyatakan,

“Maha suci Allah yang menjadikan kejadian semua berpasangan dari sesuatu yang tumbuh di bumi, dari mereka (manusia) dan dari sesuatu yang mereka tiada mengetahui.” (Tafsir Al-Quran, 1987)

Namun begitu, kepincangan institusi kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Islam semakin meruncing. Statistik kes-kes seperti penceraian, keganasan rumah tangga dan lain-lain yang melibatkan keluarga semakin meningkat. Menurut Siti Zalikah dan Zaleha (2010), kepincangan dan kehancuran yang banyak berlaku di dalam keluarga Islam hari ini adalah disebabkan pembentukannya yang tidak memenuhi kehendak-kehendak Islam (Mohd Hasnawi, 2013). Selain daripada itu kurangnya asas-asas keagamaan, pasangan suami isteri pula jahil tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan hubungan antara mereka, dan tanggungjawab keduanya terhadap anak-anak. Hal ini disebabkan oleh pasangan muda pada masa kini kurang berpengetahuan dalam mengendalikan sistem kekeluargaan dan ketidak sediaan hidup berpasangan.

Salah satu faktor yang menyebabkan kepincangan dan kehancuran rumahtangga berlaku dalam kalangan masyarakat Islam masa kini adalah keganasan rumah tangga. Keganasan dalam rumah tangga boleh diertikan sebagai perbuatan secara sengaja meletakkan ahli keluarga dalam ketakutan dan menyeksa mangsa secara paksaan hingga boleh menyebabkan kecederaan dari segi mental dan fizikal (Roslee, 2011). Kebiasaannya yang menjadi mangsa ialah isteri, anak-anak dan ibu bapa. Ada juga kes yang melibatkan suami. Keganasan rumahtangga melibatkan penderaan secara fizikal, mental, emosi, seksual dan spiritual. Bermula perselisihan yang kecil hingga menyebabkan perselisihan faham yang besar hingga boleh menyebabkan salah seorang menjadi hilang kawalan. Walaupun terdapat lelaki yang menjadi mangsa dalam keganasan rumah tangga namun, bilangan wanita yang menjadi mangsa adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM, 2013) di laman web PDRM menunjukkan sebanyak 2,558 kes keganasan rumah tangga terhadap wanita

berbanding 930 kes keganasan rumah tangga terhadap lelaki dilaporkan pada tahun 2012.

Keganasan rumahtangga boleh berlaku atas beberapa sebab antaranya tiada keharmonian dan persefahaman dalam rumahtangga, latar belakang keluarga yang berlainan, masalah ekonomi, cemburu melampau terhadap pasangan, masalah mental dan yang penting kurangnya didikan agama (Nor Shafiza, 2010). Ajaran dalam agama Islam itu sendiri telah mengingatkan supaya menjaga ahli keluarga dengan sempurna. Sesungguhnya institusi keluarga adalah satu institusi penting dalam keseluruhan kerangka pembinaan dan kelangsungan ummah. Umat Islam akan berdepan dengan satu masalah besar seandainya institusi penting ini tidak dikawal dan dijaga dengan baik. Kehancuran institusi ini bermakna kehancuran ummah itu sendiri kerana daripada institusi inilah munculnya kalangan ummah di tengah masyarakat. Oleh itu, keganasan rumah tangga merupakan antara penyebab kepincangan berlaku dalam rumah tangga.

Kes keganasan rumah tangga semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat di negara kita. Peningkatan kes berkenaan seperti duri dalam daging yang boleh mengancam keharmonian institusi kekeluargaan di negara ini. Sikap majoriti suami dan bapa yang merupakan ketua dalam sesebuah keluarga yang memukul isteri dan anak-anak serta mendera mereka untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang bukan kemampuan mereka merupakan fenomena yang amat menyedihkan. Oleh hal yang demikian, semua pihak dalam masyarakat perlulah berganding bahu untuk menyelesaikan masalah ini. Jika perkara ini tidak dilakukan pastinya semakin banyak isteri dan anak yang akan menjadi mangsa keganasan lelaki yang dayus itu (Mohd Hasnawi, 2013).

Kewujudan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521) merupakan antara salah satu usaha bagi menangani masalah keganasan rumah tangga di Negara

Malaysia. Akta Keganasan Rumah Tangga ini telah diluluskan pada tahun 1994 bagi mengenalpasti keganasan yang berlaku dalam sebuah rumah tangga. Keganasan rumah tangga merupakan masalah sosial yang amat serius dan mesti ditangani dengan segera. Hal ini kerana, keganasan rumah tangga bukan satu masalah peribadi keluarga tetapi merupakan masalah sosial yang perlu ditangani bersama kerana akan member kesan kepada anak-anak, isteri, suami dan keluarga (Meyer, Chapman dan Weaver, 2009).

Akta Keganasan Rumah Tangga melindungi ahli keluarga, termasuklah isteri atau suami, bekas isteri atau suami, kanak-kanak (termasuk anak angkat), orang-orang dewasa yang tak berkeupayaan (samada mental ataupun fizikal), dan mana-mana anggota keluarga yang lain. Walaupun keganasan rumah tangga berlaku dalam berbagai bentuk, akta ini hanya mengiktirafkan keganasan seperti yang berikut iaitu keganasan yang menyebabkan kecederaan fizikal, meletakkan anda dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal, mengurung anda, merosakkan harta benda dengan niat menggusarkan anda, atau memaksa anda melakukan sesuatu yang anda berhak tidak melakukannya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Keganasan rumah tangga adalah suatu bentuk penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku apabila seorang pasangan (lazimnya lelaki) cuba untuk mengawal atau mendominasi pasangannya. Selalunya, si perlaku secara sengaja atau tidak sengaja cuba meletakkan mangsa dalam ketakutan kecederaan fizikal, ugutan, gangguan emosi dan gangguan pertuturan (maki hamun dan cacian). Si perlaku juga, memaksa atau mengancam melakukan perbuatan berbentuk seksual atau perbuatan yang member kesan negative kepada isteri dari segi emosi dan psikologi yang mana mangsa itu berhak untuk tidak melakukannya. Selain itu, mangsa juga dikurung agar

tidak bergaul dengan masyarakat luar dan dipaksa untuk melakukan perkara seperti seks dan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama tanpa kerelaan mangsa. Ianya bertentangan dengan hadith Rasullullah S.A.W, dimana :-

“Hawa dijadikan daripada rusuk Adam, bukan daripada kepalanya untuk dijadikan atasnya dan bukan daripada kakinya untuk dijadikan alas, tetapi dari sisinya untuk dijadikan teman hidup, dekat pada lengannya untuk dilindungi dan dekat dihatinya untuk dicintai”.

(Hadith Rasullullah S.A.W)

Keganasan rumah tangga timbul disebabkan tiada keharmonian dan persefahaman dalam rumah tangga oleh pasangan suami isteri. Latar belakang keluarga juga punca masalah ini berlaku, ini disebabkan oleh kehidupan ibu bapa mereka yang bermasalah dan memberi kesan kepada anak mereka setelah berkahwin. Mereka yang mempunyai pasangan penagih dadah atau berjudi juga memberi kesan dalam rumah tangga. Hal ini kerana mereka tidak dapat mengawal diri dan emosi disebabkan oleh kesan pengaruh dadah dan alkohol. Masalah ekonomi juga turut mengundang keganasan rumah tangga apabila kesempitan dari segi kewangan.

Statistik yang di keluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PRDM) dari 2007 hingga Februari 2012 menunjukkan, sebanyak 18,124 kes dilaporkan iaitu 3,756 kes (2007), 3,769 (2008), 3,643 (2009), 3,173 (2010), 3,277 (2011) dan 506 kes untuk dua bulan pertama tahun 2012 (Januari – Februari 2012). Manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyatakan lebih 95 peratus kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada pihak JKM membabitkan kecederaan fizikal terhadap wanita, dan ini merupakan satu masalah yang perlu dipandang serius. Hal ini juga turut disokong dengan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri Selangor dimana sebanyak 595 kes yang diterima oleh JKM pada tahun 2007 di Selangor sahaja. Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat, Datuk Noriah Kasnon (2012), kebanyakan masalah ini berpunca dari salah faham di awal perkahwinan antara suami isteri terutamanya yang melibatkan pasangan yang berkahwin pada usia teramat muda. Jadual berikut menunjukkan statistik keganasan rumah tangga yang berlaku di Malaysia mengikut negeri pada tahun 2010.

| Negeri | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|--------------------------|---------------|------------------|---------------|
| Johor | 0 | 66 | 66 |
| Kedah | 6 | 19 | 25 |
| Kelantan | 0 | 48 | 48 |
| Melaka | 1 | 31 | 32 |
| Pahang | 0 | 37 | 37 |
| Negeri Sembilan | 0 | 21 | 21 |
| Perak | 2 | 40 | 42 |
| Perlis | 0 | 2 | 2 |
| Pulau Pinang | 5 | 65 | 70 |
| Sabah | 0 | 27 | 27 |
| Sarawak | 2 | 39 | 41 |
| Selangor | 12 | 155 | 167 |
| Terengganu | 0 | 12 | 12 |
| W. P Kuala Lumpur | 4 | 91 | 95 |
| W. P Labuan | 0 | 10 | 10 |
| Jumlah | 32 | 663 | 695 |

Jadual 1.1: Bilangan Kes Keganasan Rumahtangga Mengikut Negeri, 2010

Berdasarkan JKM menyatakan terdapat beberapa sebab berlakunya keganasan rumah tangga. Antaranya punca keganasan rumah tangga adalah kehilangan pekerjaan, campur tangan keluarga mertua, berjudi, minum arak dan perselisihan faham. Menurut laporan statistik yang dikeluarkan oleh pihak JKM (2010) perselisihan faham merupakan punca keganasan rumah tangga yang paling tinggi dicatatkan iaini sebanyak 228 kes dan diikuti oleh masalah kewangan iaini sebanyak 76 kes. Manakala kehilangan pekerjaan menjadi punca paling minoriti yang dapat mengakibatkan berlakunya keganasan rumah tangga iaini sebanyak 3 kes sahaja. Berikut merupakan statistik yang di keluarkan oleh pihak JKM sepanjang tahun 2010 mengenai punca berlakunya keganasan rumah tangga di Malaysia.

| Sebab Berlaku | M | | C | | I | | PSb | | PSw | | Lain-lain | | Jumlah | |
|------------------------------------|---|----|---|----|---|----|-----|---|-----|---|-----------|---|--------|----|
| | L | P | L | P | L | P | L | P | L | P | L | P | L | P |
| Kehilangan pekerjaan | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 |
| Menghadapi tekanan di tempat kerja | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| Masalah kewangan | 0 | 45 | 0 | 12 | 0 | 10 | 0 | 7 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 76 |
| Campur tangan mertua | 0 | 13 | 1 | 1 | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 23 |
| Mempunyai hubung luar nikah | 1 | 37 | 1 | 6 | 0 | 15 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 2 | 2 | 62 |
| Penagih Dadah | 0 | 45 | 0 | 5 | 0 | 5 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 57 |
| Kaki Judi | 0 | 5 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |

| | | | | | | | | | | | | | | |
|------------------------------|-----------|------------|----------|-----------|----------|------------|----------|-----------|----------|-----------|----------|----------|-----------|------------|
| Kaki Botol | 0 | 10 | 0 | 5 | 1 | 25 | 0 | 7 | 1 | 6 | 0 | 0 | 2 | 53 |
| Perselisihan Faham | 10 | 153 | 3 | 23 | 4 | 37 | 0 | 12 | 0 | 2 | 1 | 1 | 18 | 228 |
| Perebutan hak penjagaan anak | 0 | 5 | 3 | 8 | 2 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | 16 |
| Mengalami tekanan jiwa | 0 | 10 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 1 | 14 |
| Mengganggu | 1 | 3 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 1 | 7 |
| Lain-lain | 0 | 66 | 0 | 21 | 2 | 19 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 2 | 2 | 111 |
| Jumlah | 12 | 397 | 8 | 87 | 9 | 127 | 0 | 29 | 2 | 16 | 1 | 7 | 32 | 663 |

Nota: PSb = Peribumi Sabah PSw = Peribumi Sarawak

Jadual 1.2: Kes Baru Keganasan Rumahtangga Mengikut Sebab-Sebab Berlaku, Kumpulan Etnik Dan Jantina, 2010

Tekanan hidup yang dihadapi oleh segelintir individu dikatakan menjadi punca kes berkenaan berlaku. Tekanan untuk meneruskan kehidupan yang semakin mencabar individu seperti menghadapi masalah kewangan menjadi sebab individu terbabit tidak mampu lagi mengawal diri mereka daripada bertindak ganas. Di samping itu, seseorang bapa dan suami yang sering diharapkan untuk memenuhi kehendak isteri dan anak-anak mereka, dianggap sebagai bebanan oleh suami yang mempunyai masalah kewangan yang serius. Seperti sudah jatuh ditimpa tangga, suami atau bapa yang menghadapi tekanan tersebut akhirnya hilang kawalan lalu menyiksa isteri atau anak-anak dari segi mental dan fizikal. Fenomena sedemikian akan merumitkan keadaan kerana tidak ada pihak yang beroleh manfaat daripada tindakan sedemikian (Abdullah Al-Hadi Mohamed, 1993; Ng Yen Ti, 2010).

Selain masalah kewangan, bebanan hutang yang banyak turut mengakibatkan tekanan mental yang serius terhadap seseorang itu. Peningkatan kos hidup dan dengan pendapatan yang kecil memaksa seseorang ketua keluarga berhutang.

Kegagalan menjelaskan hutang dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan pihak bank menghantar notis demi notis. Lebih buru lagi jika berhutang dengan Along. Jadi tidak hairanlah jika seorang suami sanggup pula menjual isteri atau anak-anak kepada pihak tertentu semata-mata kerana mereka dianggap merupakan senjata terakhir yang dimiliki oleh mereka untuk melunaskan hutang. Setelah didera secara kejam seperti disepak, ditendang, dicucuh dengan puntung rokok dan kadang-kadang dipaksa untuk melakukan kerja yang terkutuk seperti melacur. Jika perkara yang sedemikian tidak dibendung, maka individu yang bergelar bapa atau suami atau ibu tidak boleh dipercayai lagi bagi melindungi seseorang yang bergelar isteri atau anak (Jal Zabdi, 2004).

Di samping itu, masalah seperti dibebani dengan tugas yang banyak di tempat kerja turut menyebabkan seseorang individu merasakan isteri dan anak-anak boleh dijadikan kuda tunggangan. Kuda tunggangan yang dimaksudkan adalah sebagai tempat mereka melepaskan geram dan kemarahan mereka dengan cara kekerasan terhadap keluarga mereka. Jika di tempat kerja, mereka dileteri dan dimarahi oleh majikan mereka, selain dibebani dengan kerja yang banyak. Oleh itu, dendam yang terbuku dalam hati terhadap majikan mereka ditujukan pula kepada isteri dan anak-anak mereka yang sepatutnya dilimpahi dengan kasih sayang yang secukupnya daripada seorang bapa dan suami. Jika perkara yang sebegini tidak diatasi, pastinya kebahagiaan yang diimpikan dalam gerbang perkahwinan hanyalah impian yang sia-sia (Dee De Porto, 2003).

Masalah perkelahian dan perselisihan pandangan dengan individu-individu tertentu terutamanya yang amat dihormati dan dikasihi seperti ibu bapa, adik-beradik mahupun isteri sendiri menjadi punca tekanan perasaan (Jal Zabdi, 2004; Maizatul, Hazalina, Latifenosadat dan Faizah. 2008). Hal ini akan mendorong mereka bertindak secara kekerasan terhadap anak-anak dan isteri kerana mereka gagal mengawal emosi dan perasaan, iaitu seperti mencurahkan minyak ke dalam api yang marak. Seseorang isteri wajar memahami bebanan atau masalah yang sedang

ditanggung oleh suami tanpa menambahkan tekanan kemarahan terhadap suami. Jika perkara sedemikian dilakukan juga, maka pertengkaran yang lebih serius akan berlaku antara suami dengan isteri yang mendorong suami memukul isterinya (Wells, M., Brack, C. J., dan McMichen, P. J. 2003).

Punca lain yang menyebabkan masalah ini berlaku ialah kegagalan mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Kecenderungan untuk seseorang individu bagi merasai kekecewaan yang berpanjangan tanpa sokongan individu yang dikasihi mendorong perasaan kecewa tersebut menjadi perasaan marah yang seterusnya bertukar menjadi ganas. Harapan menggunung yang diimpikan daripada keluarga seperti sokongan moral dan semangat tidak menjadi kenyataan kerana kesibukan masing-masing mendorong seseorang suami dan bapa bertindak kasar seperti memukul isteri dan anak-anak mereka (Hamidah, 2008). Namun demikian, perkara itu dapat dielakkan sekiranya masing-masing memahami kehendak hati orang yang tersayang.

Oleh hal yang demikian, tekanan individu terbabit yang berpunca daripada banyak sebab merupakan faktor utama berlakunya kes keganasan rumah tangga. Jika perkara ini dapat dibendung, tidak mustahil kes ini akan berkurangan dan akhirnya tidak kedengaran lagi (Hamidah dan Hamdan, 2008). Untuk mencapai matlamat berkenaan, semua pihak dalam masyarakat perlu berganding bahu dan bersatu padu agar pisang tidak berbuah dua kali. Oleh itu, sebelum masalah keganasan rumah tangga lebih banyak mengorbankan nyawa manusia, semua pihak perlulah sedar dan bersama-sama untuk membanterasnya iaitu dengan memenuhi dada dengan ilmu agama yang sewajarnya sebelum nasi menjadi bubur.

Keganasan rumahtangga mempunyai kesan yang mendalam terhadap mangsa, samada mangsa penderaan adalah lelaki mahupun perempuan. Tekanan yang dialami oleh mangsa penderaan boleh membawa kepada masalah kesejahteraan

jiwa seperti tekanan (*depression*), kebimbangan (*anxiety*), panik atau cemas dan *Post Traumatic Stress Disorder*. Apabila tertekan, mangsa penderaan boleh juga terdesak untuk menggunakan bahan-bahan seperti arak, dadah ataupun menyalahgunakan ubat yang tidak berkeunaan seperti ubat batuk untuk mencari jalan penyelesaian melupakan masalah yang dihadapi dan mengurangkan kesan masalah kesejahteraan jiwa (Mckee, D. A. dan Dingee, J, 2003; Velasquez, M. M. dan Stotts, A. L, 2003). Malangnya, penggunaan bahan-bahan seperti arak ataupun dadah, mahupun penyalahgunaan ubat batuk hanya melegakan masalah itu pada waktu singkat (*short term*) dan membuatkan masalah kesejahteraan jiwa itu semakin melarat dan sukar dirawat (Velasquez, M. M dan Stotts, A. L, 2003). Tekanan yang dialami oleh mangsa penderaan boleh juga membawa kepada mangsa mencederakan diri sendiri ataupun membunuh diri.

Malangnya, di kalangan mangsa dera, ada yang mempertahankan kelakuan si pendera. Mereka mungkin berkata "Aku memang patut dipukul kerana buat ia marah". Mungkin ini disebabkan mangsa dera mengalami *Stockholm Syndrome*, seperti mangsa penculikan yang bersikap positif terhadap orang yang menculik mereka (Dalpiaz. C. M, 2006). Disebabkan ini, mangsa dera adalah sekumpulan individu yang memerlukan sokongan, nasihat dan bantuan, samada dari keluarga, kawan-kawan, ataupun pihak berkuasa dan profesional kesihatan. Tugas profesional kesihatan adalah untuk membuat penilaian atau pemeriksaan kesejahteraan jiwa, dan memberikan rawatan samada dari segi ubat penenang atau ubat kemurungan, *therapy* (rawatan lisan), ataupun menguatkan sokongon sosial mangsa.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] adalah satu akta yang diperuntukkan untuk melindungi mangsa dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang berkait. Justeru, pelaku juga tidak akan terlepas daripada hukuman seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Justeru itu, bagi mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, mereka tidak perlu takut untuk tampil membuat laporan. Bantuan dari sudut pengukuhan psikologi

melalui perkhidmatan kaunseling. Selain mempergiatkan program literasi undang-undang agar dapat menjelaskan mengenai hak dan tanggungjawab dari aspek sivil dan syariah sebelum, semasa dan selepas perkahwinan.

Kementerian juga telah memperkenalkan program ‘Smart Start’ sejak 2009 bagi memastikan mesej kepada pasangan yang ingin berkahwin atau yang sudah berkahwin kurang dari lima tahun untuk mendapat pengetahuan asas dalam institusi perkahwinan dan kekeluargaan (JKM, 2012). Walau bagaimanapun program yang dijalankan tersebut tidak mengurangkan masalah keruntuhan rumahtangga. Justeru itu, masalah keganasan ini dapat diatasi jika agensi-agensi yang menawarkan perkhidmatan kaunseling diperbanyakkan dan diperkukuhkan, terutama di kawasan luar bandar. Pegawai dan petugasnya tidak boleh bersikap duduk menanti pelanggan, sebaliknya bersifat pro-aktif dengan melawat dan menziarah kawasan. Kelangsungan hal ini juga ia akan dapat melahirkan wanita yang lebih berdaya saing, berkemahiran serta berilmu.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam institusi perkahwinan, lelaki dijadikan sebagai ketua keluarga sesuai dengan fitrah kejadian lelaki yang lebih gagah dan beberapa kelebihan lain berbanding perempuan.

Firman Allah yang bermaksud:

“Lelaki adalah pemimpin bagi perempuan oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana lelaki telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka.”

(Surah an-Nisa, ayat 34)

Ajaran Islam mensyaratkan supaya lelaki sentiasa menjadi pelindung dan berbuat baik terhadap perempuan. Sebagai pemimpin, lelaki dipertanggungjawabkan menjaga keselamatan, kebajikan dan menyediakan keperluan hidup untuk isteri dan anak. Amat malang jika lelaki yang diharap sebagai pelindung dan menjamin keselamatan perempuan bertindak sebaliknya. Islam melarang sama sekali dilakukan sebarang kekerasan dalam rumah tangga. Biarpun ayat 34 surah an-Nisa membenarkan suami memukul isteri, ia tidak boleh dikategorikan sebagai kebenaran menggunakan penderaan atau kekerasan terhadap isteri.

“Dan kepada mereka yang kamu khawatirkan akan kederhakaannya, berikan nasihat dulu, kemudian tinggalkan tempat tidurnya dan hendaklah kamu pukul.”

(Surah an-Nisa, ayat 34)

Kezinaan memukul isteri itu jelas dalam konteks memberi pengajaran setelah cara nasihat dan memulau tidak berkesan untuk memperbaiki kesalahan isteri. Malah, pukulan itu sebenarnya hanya dalam tahap tidak mencederakan fizikal, sekadar menunjukkan ketegasan suami supaya isteri tidak lagi berani melakukan perkara tidak diingini.

Justeru itu, masalah keganasan rumah tangga perlu dibendung dari awal kerana ia boleh meninggalkan kesan negatif dalam institusi kekeluargaan. Hal ini kerana, si mangsa akan mengalami tekanan fizikal, mental dan spiritual. Malah si mangsa berasa dalam situasi yang tidak selamat. Jika dibiarkan ia akan menjadi trauma untuk kesan jangka masa panjang. Keganasan rumah tangga juga akan menimbulkan kesan negatif kepada pertumbuhan atau perkembangan anak-anak.

Kemungkinan si anak akan mengulangi apa yang dipelajari dari ibu bapa mereka apabila mereka meningkat dewasa kelak. Mereka juga berpotensi untuk menjadi pendera. Jika ia berterusan, jalan terakhirnya akan berlakunya penceraian. Ibu yang diceraikan terpaksa memainkan peranan sebagai ketua rumah setelah menjadi ibu tunggal. Anak-anak akan mengalami tekanan emosi dan mental akibat penceraian ibu bapa mereka. Anak-anak mangsa penceraian ini akan mengalami konflik identiti dan jika mereka tersalah haluan akan terlibat kes-kes juvana seperti gangsterism, vandalism, penagihan dadah dan masalah sosial lain.

Walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dengan kerjasama badan-badan berkanun (NGO) namun masalah keganasan rumah tangga masih berada pada tahap yang paling serius. Antaranya dengan menjalankan kempen bagi meningkatkan kesedaran mengenai jenayah keganasan rumah tangga seperti "*You can make a difference now!*", "*Stop violence against women*" dan "rumahku syurgaku" namun, ianya tidak akan dapat dibendung sepenuhnya seandainya mangsa (wanita) hanya berdiam diri. Sekiranya masalah ini masih terus berleluasa ia akan mengakibatkan keruntuhan institusi kekeluargaan dan membawa kepada penceraian dan menyukarkan matlamat wawasan 2020 bagi melahirkan masyarakat penyayang di capai.

Justeru itu, apakah sebenarnya yang menyebabkan keganasan rumah tangga berlaku terutamanya dikalangan pasangan muda? Mengapakah peratus penceraian dan keganasan rumah tangga semakin meningkat walaupun terdapat pelbagai kempen, program kesedaran serta penguatkuasaan akta telah di jalankan? Apakah kesan dari segi emosi dan psikologi yang dihadapi oleh wanita yang bercerai pada usia muda akibat daripada keganasan rumah tangga ini? Apakah bentuk sokongan yang amat diperlukan oleh mangsa keganasan rumah tangga serta apakah kelemahan program kesedaran sedia ada yang tidak memberikan impak sehingga keganasan rumah tangga terutamanya terhadap wanita terus berleluasa?

Persoalan timbul bagaimana wanita yang menjadi mangsa keganasan ini masih mampu terus berada di lingkungan kehidupan yang penuh tragis ini. Adakah wanita terlalu bergantung harap kepada lelaki dari segi sokongan kewangan dan emosi sehingga sanggup di dera dan meneruskan hubungan bertahun-tahun? Adakah wanita-wanita ini tidak mempunyai rantaian sokongan lain selain daripada bapa, suami atau pasangan yang menganiaya mereka? Adakah wanita ini mempunyai masalah personaliti, psikologi atau penyakit mental sehingga sanggup membiarkan diri didera? Banyak lagi persoalan yang tidak dapat dijawab dan diselesaikan walaupun masalah keganasan terhadap wanita telah lama berleluasa. Terdapat banyak kajian dan banyak intervensi mengenai keganasan rumah tangga telah dijalankan namun masalah ini terus berlingkari masyarakat masa kini.

Lantaran ini, pengkaji berminat untuk mengetahui secara mendalam dan secara khusus tentang faktor yang menjadi punca kepada keganasan rumah tangga dikalangan pasangan muda sehingga membawa kepada penceraian. Pengkaji percaya dengan mengenalpasti secara jelas faktor keganasan rumah tangga pada pasangan muda mampu memberikan gambaran yang lebih spesifik terhadap kesan yang diterima oleh mangsa dari segi psikologi. Dengan pengenalpastian ini juga, dapat melihat dan mengetahui bentuk sokongan yang efektif dan berkesan yang amat diperlukan oleh mangsa dalam menghadapi masalah keganasan rumah tangga.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.4.1 Mengkaji punca berlakunya keganasan rumahtangga di kalangan wanita muda.

- 1.4.2 Mengkaji kesan emosi yang dihadapi oleh wanita muda yang telah bercerai akibat daripada keganasan rumah tangga.
- 1.4.3 Mengkaji cara penyesuaian diri yang dilakukan oleh wanita muda bercerai akibat keganasan rumah tangga.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, pengkaji akan menjalankan kajian untuk mengenalpasti kesan emosi dan psikologi bagi wanita yang bercerai akibat keganasan rumah tangga pada usia muda serta bentuk sokongan yang diterima. Beberapa persoalan akan dikaji, iaitu:

- 1.5.1 Apakah punca berlakunya keganasan rumah tangga dikalangan wanita muda?
- 1.5.2 Apakah kesan emosi yang dihadapi oleh wanita muda yang telah bercerai akibat daripada keganasan rumah tangga?
- 1.5.3 Bagaimanakah wanita muda menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan yang dihadapinya?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor keganasan rumahtangga, kesan psikologi, bentuk penyesuaian diri serta bentuk-bentuk sokongan yang diperlukan oleh mangsa penceraian bagi pasangan muda yang berpunca daripada keganasan rumahtangga. Sumbangan mereka sama ada sebagai isteri, ibu serta pekerja yang mempunyai gaji, di dalam pembangunan bangsa dan negara adalah amat penting. Mereka bukan sahaja memainkan peranan utama di

dalam pembentukan generasi akan datang malah merupakan aset ekonomi yang penting kepada negara. Wanita berperanan penting dalam mencorak masa depan negara. Apatah lagi wanita merupakan pengasuh dan pendidik generasi muda yang bermula dari institusi kekeluargaan dan seterusnya ke alam masyarakat sebenar. Jika suasana didikan di rumah tidak sempurna maka akan tidak sempurna pembentukan peribadi penghuninya sekaligus mengundang pelbagai masalah sama ada kepada keluarga mahupun diri anak-anak. Malahan, pelbagai masalah sosial pada hari ini dikatakan berpunca daripada kepincangan institusi kekeluargaan.

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang dapat dilihat daripada pelbagai perspektif. Antaranya, kajian ini penting kepada ibu bapa, masyarakat, media massa (cetak dan elektronik), Jabatan Agama Islam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi beberapa implikasi dan manfaat kepada pelbagai pihak termasuk kepada pengkaji-pengkaji dan bidang ilmiah yang lain pada masa akan datang.

1.6.1 Kepentingan Kajian Kepada Mangsa Keganasan

Selain itu, dapatan kajian ini diharap akan memberi manfaat kepada semua masyarakat khususnya golongan wanita. Supaya mereka lebih berhati-hati dalam melakukan aktiviti harian, serta membuat persediaan awal daripada segala kemungkinan yang akan menimpa diri mereka terutama terhadap kes-kes jenayah yang sering berlaku pada masa kini. Ia akan mengelakkan diri mereka daripada sentiasa menjadi mangsa kekejaman jenayah. Hasil kajian ini juga akan dapat membantu mangsa jenayah seperti mangsa kejadian keganasan rumahtangga atau kes

gangguan seksual supaya mereka cepat bertindak dan dapat mencari jalan penyelesaian untuk mengeluarkan diri daripada fenomena buruk tersebut.

Dapatan kajian ini juga penting kepada semua pihak yang bertanggungjawab dengan bekerjasama dalam membanteras kes-kes kejadian jenayah terhadap wanita, contohnya dengan menguatkuasakan undang-undang yang lebih tegas untuk membela nasib wanita yang teraniaya. Memastikan hukuman haruslah dilaksanakan kepada orang-orang yang melakukan jenayah serta dipastikan mereka untuk menerima hukuman di sisi undang-undang. Keadilan adalah saksama tanpa mengira pangkat dan darjat. Dengan ini dapat memberi amaran dan peringatan kepada mereka sebelum terjurus dalam sebarang aktiviti jenayah.

1.6.2 Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat

Kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman dan panduan kepada masyarakat umumnya dalam membantu menangani gejala keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita. Hal ini kerana, pembentukan institusi keluarga amat penting dan dapat mempengaruhi pembesaran anak-anak. Justeru itu, semua pihak yang bertanggungjawab dengan bekerjasama dalam membanteras kes-kes kejadian jenayah terhadap wanita, contohnya dengan menguatkuasakan undang-undang yang lebih tegas untuk membela nasib wanita yang teraniaya.

1.6.3 Kepentingan Kajian Kepada Jabatan Agama Islam

Kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan mengenai perceraian akibat daripada keganasan rumahtangga yang berlaku di Negeri Johor yang bermula dari faktor tercetusnya keganasan rumahtangga sehingga selesai bentuk sokongan yang diperlukan oleh mangsa. Kajian ini adalah untuk dikongsi

bersama dengan orang awam agar mereka mengetahui punca-punca tercetusnya keganasan rumahtangga dan dapat membantu pihak Jabatan Agama Johor menyelesaikan permasalahan.

1.6.4 Kepentingan Kajian Kepada Jabatan Kebajikan Malaysia

Menerusi kajian ini diharapkan dapat memberi sumber rujukan dan bantuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) khususnya bagi membantu mangsa yang mengalami masalah keganasan rumah tangga. Hal ini kerana, golongan ini kebiasaannya mempunyai niat untuk berubah tetapi tidak mempunyai tempat untuk berlindung akibat takut dibuang keluarga dan malu untuk berdepan dengan masyarakat. Justeru, Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh membantu dari segi sesi kaunseling agar mangsa keganasan mengetahui saluran yang betul untuk membuat aduan dan mendapatkan perlindungan.

1.6.5 Kepentingan Kajian Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman dan panduan kepada kementerian supaya mengkaji semula Rumah Perlindungan yang ada di Malaysia agar perancangan program yang dikendalikan selaras dan mengikut perkembangan masa kini. Hal ini kerana dengan penerapan program-program yang berguna dan penekanan model yang sistematik dapat membantu mangsa keganasan rumah tangga yang telah tamat tempoh supaya dapat menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Memastikan hukuman haruslah dilaksanakan kepada orang-orang yang melakukan jenayah serta dipastikan mereka untuk menerima hukuman di sisi undang-undang.

Keadilan adalah saksama tanpa mengira pangkat dan darjat. Dengan ini dapat memberi amaran dan peringatan kepada mereka sebelum terjurus dalam sebarang aktiviti jenayah.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada faktor keganasan rumah tangga, kesan emosi, penyesuaian diri dan bentuk sokongan yang diperlukan oleh mangsa penceraian akibat daripada keganasan rumah tangga sahaja. Responden kajian adalah terdiri daripada wanita Melayu yang berkahwin pada usia muda di dalam lingkungan umur 18 tahun sehingga 25 tahun yang telah bercerai akibat daripada keganasan rumah tangga yang berlaku semasa tempoh perkahwinan di negeri Johor sahaja. Terdapat empat orang responden kajian di mana dua orang responden merupakan wanita bekerjaya manakala dua orang responden merupakan wanita yang tidak bekerja. Responden telah dipilih secara rawak bertujuan. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah kaedah temubual. Data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan perisian Nvivo 8.0.


1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini terikat dengan beberapa batasan yang tidak dapat dielakkan. Terdapat beberapa batasan yang dikenalpasti dalam kajian ini iaitu kajian yang dijalankan hanya memberikan fokus pada faktor keganasan rumah tangga, kesan emosi, penyesuaian diri dan bentuk sokongan yang diperlukan oleh mangsa penceraian akibat daripada keganasan rumah tangga. Kajian ini juga hanya memberikan tumpuan kepada mangsa penceraian akibat keganasan rumah tangga

menglibatkan wanita muda atau yang berkahwin pada usia muda. Selain itu, kajian ini hanya terbatas di negeri Johor sahaja kerana responden (subjek) kajian yang terlibat merupakan pasangan muda yang bercerai akibat keganasan rumah tangga di negeri Johor.

Oleh itu hasil dapatan kajian yang diperolehi agak sukar untuk digeneralisasikan di negeri-negeri lain. Pengkaji juga menyedari bahawa pemilihan responden adalah dalam jumlah yang agak kecil iaitu empat orang melibatkan golongan profesional dan tidak bekerja kerana agak sukar bagi pengkaji untuk memperolehi responden (subjek) yang ramai. Hal ini kerana kajian dilaksanakan ini bermatlamat untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang faktor keganasan rumah tangga, kesan emosi, penyesuaian diri dan bentuk-bentuk sokongan yang diperlukan oleh mangsa penceraian akibat keganasan rumah tangga. Oleh yang demikian, pemilihan responden yang sedikit membolehkan pengkaji menjalankan kajian ke atas responden secara terperinci dan mendalam.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

1.10 Definisi Konsep dan Operasional

1.10.1 Definisi Keluarga

Coleman dan Cressey (1993) mentakrifkan keluarga sebagai '*a group of people by marriage, ancestry or adoption who live together in a common household*'. Manakala, (Kamus Dewan 2007) mendefinisi keluarga sebagai seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri sahaja atau berserta anak-anak. Menurut Mohamad Hussain (1997) mentakrif keluarga sebagai unit sosial yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak dan yang paling penting ialah wujudnya suatu pertalian hidup tertentu dalam kelompok sosial berkenaan.

Daripada perspektif Islam, keluarga adalah suatu unit sosial yang majmuk sifatnya (*intergrated*). Keluarga majmuk ini terangkum di dalamnya, bukan sahaja ibu bapa dan anak-anak tetapi juga datuk, cucu cicit, adik beradik dan saudara mara. Di bawah konsep keluarga tersebut mungkin terdapat lebih daripada sebuah rumahtangga (poligami). Dari masa ke semasa, kelompok-kelompok rumahtangga ini boleh terpisah daripada rumahtangga yang lain, tetapi dalam masa yang sama ia terangkum dalam suatu ikatan keluarga. Dalam banyak hal ikatan ini mempunyai bentuk perhubungan berbagai hala (Mohamad Hussain, 1997).

Walau bagaimanapun, takrif keluarga daripada perspektif Islam berbeza dengan takrif keluarga daripada perspektif Barat. Berdasarkan perspektif Barat, keluarga dihadkan kepada keluarga nuklear. Dimana keluarga nuklear merupakan keluarga yang sekurang-kurangnya mengandungi dua orang yang hidup bersama melalui pertalian darah, atau perkahwinan. Keluarga juga terbentuk daripada pasangan yang tidak berkahwin tetapi hidup bersama dan mungkin juga mempunyai anak (*single parent family*) (Gullota, Adams, Alexander (1986) dan Robert (1993).

Secara umumnya, keluarga yang sah terbentuk berasaskan ikatan perkahwinan dan dikaitkan dengan pergaulan antara ahli keluarga. Pembentukan sebuah keluarga mempunyai objektif-objektif tertentu. Menurut Noraini (2011) menjelaskan beberapa objektif berkeluarga daripada perspektif Islam seperti berikut:

- i. Mewujudkan satu umat yang kuat. Kekuatan ini bermula dari sistem kekeluargaan yang utuh dan padu. Selain itu, ia juga merupakan asas utama kepada pembentukan masyarakat inovasi.
- ii. Mengekalkan generasi manusia melalui proses kelahiran hasil dari perkahwinan yang sesuai dengan tuntutan syarak dan naluri kemanusiaan.
- iii. Memelihara kehormatan suami isteri dari tercemar melalui persetubuhan yang sesuai dengan naluri kemanusiaan.
- iv. Mewujudkan kerjasama antara suami isteri dalam mendidik dan menjaga keturunan mereka dengan cara yang baik.
- v. Mengembangkan tabiat kebapaan dan keibuan dalam suasana pemeliharaan anak-anak dan melahirkan perasaan belas kasihan, cinta dan kasih mesra.
- vi. Memelihara spiritual, mental, agama dan juga harta benda seseorang.
- vii. Menggalakkan ibadat kepada umat Islam, kerana setiap suap makanan yang diberikan oleh seorang suami terhadap isterinya dengan ikhlas dikira sebagai ibadat. Begitu juga dengan persetubuhan atau aktiviti-aktiviti lain.
- viii. Mendapat pengampunan dari Allah S.W.t peningkatan darjat dan kemantapan sikap.

Menghidupkan sunnah Rasulullah S.A.W kerana dengan berkahwin dan beranak-pinak akan bertambah ramailah umat Islam yang menjadi kebanggaan Rasulullah S.A.W di hari kiamat kelak.

1.10.2 Penceraian

Menurut Coleman (1993), penceraian berlaku akibat tekanan yang dialami oleh individu. Tekanan menyebabkan hubungan di kalangan ahli keluarga menjadi renggang. Benokraitis (1996) mentakrifkan penceraian sebagai penamatan suatu perkahwinan yang sah dan formal.

Keadaan keluarga yang tidak stabil dan sering bertengkar boleh menyebabkan penceraian berlaku. Suami yang tidak menunaikan tanggungjawab dengan baik, ilmu yang tidak lengkap dalam hal-hal pengurusan rumahtangga boleh menyebabkan keadaan keluarga tidak teratur dan sering berlaku pertelingkahan. Kurangnya pengetahuan dalam agama juga menyebabkan bilangan kes penceraian meningkat. Sebanyak 80% daripada wanita yang terlibat dengan penceraian adalah mereka yang tidak pernah mendapat didikan agama dan belajar sehingga tahun tiga sekolah-sekolah agama kerajaan Johor (Utusan Malaysia, 12 Mei 1999). Perangkaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Negeri Johor tahun 1998 pula mendapati kadar penceraian tertinggi di negeri Johor berlaku dalam tempoh perkahwinan satu hingga tiga tahun.

Kajian Patterson dan Kim (1991), mendapati masalah komunikasi sebagai sebab utama penceraian diikuti kecurangan, penderaan emosi dan penghakisan rasa

cinta. Kesan penceraian menyulitkan proses penjagaan dan didikan anak-anak. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh U.S Bureau of the Census oleh Briere, (1995), kadar penceraian telah berganda sejak dua dekad yang lalu, di mana lebih separuh daripada perkahwinan berakhir dengan penceraian. Pihak pengkaji juga bersetuju penceraian selalunya menghasilkan cabaran ekonomi/kewangan kepada wanita dan anak-anak kerana pendapatan telah berkurangan.

Dalam kajian ini pula, penceraian bermaksud pasangan suami isteri yang telah berpisah atau memutuskan perkahwinan mereka. Perpisahan tersebut disebabkan oleh keganasan domestik yang dilakukan oleh suami terhadap isterinya sepanjang tempoh perkahwinan.

1.10.3 Keganasan Rumah Tangga

Keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai penderaan seksual dan fizikal yang dilakukan oleh suami kepada isteri dan anak-anak mereka sendiri (Robert, 1993). Penderaan fizikal melibatkan perbuatan menyepak, menampar, mencucuh objek panas seperti seterika dan bara rokok kepada tubuh badan serta memukul dengan menggunakan objek keras seperti tali pinggang dan kayu.

Ianya terjadi apabila kedua-dua suami isteri tidak dapat menyelesaikan sesuatu masalah dengan cara diplomasi. Pergaduhan mulanya berlaku hingga menyebabkan suami mengambil tindakan mendera isteri. Mangsa penderaan bukan sahaja menghadapi masalah mental yang serius seperti tekanan perasaan akibat daripada perbuatan tersebut malah ianya menjejaskan kesihatan mangsa (Brown dan Barlow, 2007). Di antara kesan yang diterima ialah lebam anggota badan, luka-luka, melecur kulit dan ada kes penderaan yang membawa maut.

Menurut Rahimah (2000), keganasan rumah tangga bermaksud perlakuan keganasan terhadap pasangan atau bekas pasangan, serta ahli keluarga yang tinggal bersama pendera. Ia terdiri daripada serangan fizikal dan gangguan seksual, keganasan pertuturan (maki hamun dan cacian), ugutan, gangguan/pengabaian emosi dan kewangan. Keganasan rumah tangga, kebiasaannya berulang dan menjadi mangsa lebih teruk dan berterusan walaupun selepas penceraian.

Dalam konteks kajian ini, keganasan rumah tangga membawa maksud penderaan secara fizikal, mental, emosi, seksual serta penderaan secara spiritual yang dialami oleh wanita atau isteri sepanjang tempoh perkahwinan. Ianya berfokus kepada pasangan yang berkahwin pada usia muda.

1.10.4 Tekanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2007) mendefinisikan tekanan sebagai sesuatu yang menekan dengan kuat, desakan, atau paksaan. Tekanan juga sama ertinya dengan perkataan stres. Tekanan merupakan satu tindak balas fizikal (tubuh badan), emosi (perasaan) dan fikiran (mental) terhadap sesuatu peristiwa yang terjadi dalam kehidupan manusia. Menurut Raihanah, (2009) tekanan terjadi akibat daripada wujudnya kerisauan atau rasa yang tidak selesa terhadap sesuatu peristiwa.

Merujuk pada kajian ini, tekanan ditakrifkan perasaan dari segi emosi yang dialami oleh wanita akibat daripada peristiwa keganasan rumah tangga sehingga membawa kepada penceraian.

1.10.5 Kemurungan

Kemurungan ditakrifkan sebagai keadaan yang dihadapi atau dialami oleh individu yang mengalami rasa kecewa dan berputus asa oleh Kamus Dewan Edisi Empat (2007). Kemurungan akan diiringi dengan beberapa gejala seperti sukar tidur, lembab berfikir dan rasa bersalah yang keterlaluan. Rasa bersalah ini tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh individu tersebut. Dalam belutun yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2010), menyatakan kemurungan adalah sejenis penyakit mental yang melibatkan badan, perasaan dan fikiran. Individu yang mengalami gejala ini akan berasa sedih secara berpanjangan serta tidak bersemangat untuk meneruskan kehidupan.

Dalam konteks kajian ini, kemurungan didefinisikan sebagai perasaan sedih, kelim dan kosong yang dialami oleh wanita yang bercerai akibat daripada peristiwa keganasan rumah tangga yang dapat mengganggu perjalanan kehidupan seharian. Keadaan ini turut memberi kesan kepada diri mangsa, anak-anak mangsa serta keluarga mangsa.

1.10.6 Trauma

Kamus Dewan Edisi Empat (2007) telah mendefinisikan trauma sebagai perasaan terkejut atau fikiran yang amat terganggu yang meninggalkan kesan yang mendalam, menakutkan dan berpanjangan ke atas individu yang mengalami sesuatu peristiwa yang tidak dijangka dalam kehidupannya. Menurut Briere (1995), trauma merupakan sesuatu kejadian yang tidak disangka berlaku yang dapat mengancam keamanan individu.

Di dalam kajian ini, trauma merujuk kepada perasaan yang dialami oleh wanita akibat peristiwa keganasan rumah tangga oleh suami yang meninggalkan kesan dan makna yang mendalam terhadap kehidupan si mangsa. Akibat daripada peristiwa tersebut memungkinkan mangsa takut untuk menghadapi perkahwinan sekali lagi atau tidak percaya kepada lelaki.

1.10.7 Moral

Sokongan moral ditakrifkan sebagai sokongan yang tidak berupa bantuan kebendaan tetapi memberi semangat kepada individu yang mengalami sesuatu peristiwa yang diluar jangkaan (Alavi, Aizan, Subhi, Moamad dan Sarnon, 2012). Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2007), moral didefinisikan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan betul atau adil, sokongan dari segi bentuk perkataan yang mengakui kebenaran atau menyokong seseorang atau sesuatu pihak atau kemenangan mempertahankan sesuatu yang benar.

Moral ialah tingkah laku yang telah ditentukan oleh nilai etika yang ada pada diri seseorang. Tingkah laku baik mahupun jahat yang telah ditentukan oleh nilai etika ini dinamakan moral. Emmet (1979) menekankan bahawa akhlak manusia sangat bergantung kepada tatasusila, adat, kebiasaan masyarakat dan agama bagi membantu untuk menilai tingkah laku mahupun perbuatan seseorang. Mengikut Islam akhlak menjadi penghubung yang erat dengan fenomena keimanan seseorang insan.

Dalam konteks kajian ini, moral digambarkan sebagai bentuk sokongan kepada mangsa penceraian akibat keganasan rumah tangga (wanita) dari segi kata-kata peransang serta perlindungan yang diperolehi daripada keluarga, masyarakat

serta kaunselor. Moral dapat diertikan sebagai kelakuan ataupun amalan yang selari dengan adab tatasusila dan undang-undang masyarakat. Adab tatasusila dan undang-undang masyarakat antaranya termasuklah nilai-nilai murni seperti berdikari, berhemah tinggi, adil, baik hati, menghormati, keberanian, sayang menyayangi, kebebasan, bersih fizikal dan mental, kerajinan, kejujuran, kesederhanaan, bekerjasama, kesyukuran, memupuk semangat kemasyarakatan dan berfikir secara rasional.

1.10.8 Penafian

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Empat (2007), penafian didefinisikan sebagai perihal (perbuatan dan sebagainya) untuk menafikan atau menyangkal sesuatu perkara. Penafian berlaku apabila seseorang itu menyakinkan dirinya bahawa sesuatu perkara itu tidak wujud untuk mengelakkan kerisauan. Namun begitu, penafian mengakibatkan kesan negatif pada individu kerana perkara yang dnafikan tetap berlaku dalam kehidupannya.

Penafian dalam konteks kajian ini dimana mangsa keganasan rumah tangga cuba menafikan keganasan yang berlaku dalam kehidupan berumah tangga. Selain itu mangsa menafikan amat memerlukan pasangan hidup dengan menyatakan lebih berbahagia hidup bersendirian daripada berumah tangga.

1.10.9 Penarikan

Penarikan membawa maksud perihal atau perbuatan menarik oleh Kamus Dewan Edisi Empat (2007). Dalam kajian yang dijalankan oleh Ida Hartini (2006), penarikan merupakan individu yang cuba untuk melakukan penarikan terhadap diri dengan mengasingkan diri dari bertemu atau bergaul dengan masyarakat.

Dalam konteks kajian ini, penarikan merujuk kepada mangsa keganasan rumah tangga menutup kekejaman yang dilakukan oleh pasangannya (suami) daripada pengetahuan keluarga serta masyarakat akibat daripada rasa malu. Selain itu mangsa takut kehilangan tempat bergantung dan mengelakkan pandangan negatif masyarakat.

1.11 Penutup

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan berkenaan mangsa penceraian akibat daripada kegenasan rumah tangga menjelaskan kepada kita bahawa pendedahan tentang kesakitan serta keperitan yang dialami oleh mangsa-mangsa tersebut adalah sangat penting kerana isu-isu ini jarang diberi tumpuan oleh sesetengah pihak. Hakikatnya permasalahan tentang isu keganasan rumah tangga terutamanya dikalangan wanita atau isteri semakin hangat diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Justeru itu, pengkaji cuba meneroka tentang permasalahan ini dimana pengkaji ingin mengetahui kehidupan yang dialami oleh mangsa keganasan rumahtangga. Pengkaji merasakan bahawa institusi keluarga adalah unit paling asas dan terpenting dalam proses pembentukan masyarakat. Jika institusi kekeluargaan di tadbir dengan baik, sejahtera dan bahagia maka akan menjadi baik, sejahtera dan bahagialah generasi yang dilahirkan dalam sesebuah masyarakat. Sekiranya institusi keluarga berpecah belah maka kesan sosial dan kesan ekonominya akan dirasai oleh

masyarakat dan generasi berikutnya. Oleh itu maju atau mundurnya sesebuah negara adalah berpunca daripada institusi keluarga. Hal ini menyebabkan pengkaji memberi penekanan kepada kesan-kesan emosi yang dialami oleh mangsa penceraian akibatdaripada keganasan rumahtangga yang dialami oleh wanita pada usia muda.

Masalah keganasan rumah tangga turut memberi beberapa kesan kesihatan kepada si mangsa. Antaranya ialah kecederaan pada anggota badan seperti lebam, luka, patah tulang yang menyebabkan kecacatan kekal dan ada juga yang boleh membawa kematian. Dari segi kesan psikologi atau mental, wanita yang didera oleh pasangan akan mengalami lebih kemurungan, rasa cemas dan ketakutan dibandingkan dengan wanita yang tidak didera. Mereka lebih cenderung untuk mencederakan diri sendiri atau membunuh diri apabila merka berasa terancam. Masalah keganasan rumah tangga boleh dibendung sekiranya ketua keluarga dapat memupuk rasa kasih sayang dan saling hormat menghormati. Masyarakat perlu membanteras gejala penganiayaan dan keganasan rumah tangga yang berleluasa masa kini. Oleh itu, perlu adanya kesedaran tentang hak suami dan isteri adalah antara langkah-langkah yang perlu ditekankan. Didikan agama yang sempurna dapat menghidupkan di dalam jiwa yang penyayang, tanggungjawab dan adil.

Selain itu, pengkaji turut memberi penekanan kepada proses penyesuaian dan bentuk-bentuk sokongan yang diperlukan oleh mangsa penceraian ini. Hal ini kerana, kedua-dua aspek tersebut membolehkan pengkaji mengetahui bagaimana mangsa keganasan rumahtangga menyesuaikan diri ketika berhadapan dengan penceraian serta keganasan rumahtangga yang berlaku terhadap mereka dan juga bentuk sokongan yang diperlukan untuk mereka bangkit meneruskan kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, melalui kajian yang dilaksanakan ini, hasil dapatan yang diperolehi membolehkan ianya dijadikan rujukan kepada semua pihak. Selain itu, dapat membangunkan beberapa cadangan dalam mengatasi dan membendung

masalah keganasan rumah tangga terutamanya di kalangan wanita dari terus meningkat.

Rujukan

- Abdullah Al-Hadi Mohamed. (1993). *Faktor-faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan Antara Penyalahgunaan Dadah dan Bukan Penyalahgunaan Dadah*. Journal of Science and Humanities, Vol 1, 41-45.
- Adams, C.J dan Fortune, M.M (1995). *Violence Against Women and Children: A Christian Theological Sourcebook*. New York: The Continuum Publishing Company.
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. (2006). International Law Book Services.
- Alavi, K., Aizan Sofia Amin, Subhi, N., Mohamas, M. S.. dan Sarnon, N. (2012). *Kerj Sosial: Memahami dan Menangani Penderaan*. Jurnal e-Bangi, 7(1): 17-37.
- Al-Quran (1987). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Cet.5. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Aminuddin Ruskam Al-Dawamy dan Firdaus Binti Ismail. (2008). *Persepsi Pelajar Tentang Kejadian Jenayah Terhadap Wanita*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi Yahaya. Hashim Shahrin. Jamaludi Ramli. Yusof Boon. & Abdul Rahim. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan- teori, analisis dan interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Benokraitis, N.V. (1996). *Marriages and Families: Changes, Choices, and Constraints*. Prectice Hall Higher Education.
- Blumenfield. M.& Schoeps. M. (1993). *Psychological care of the burn and trauma patients*. Baltimore: Williams & Wilkins.
- Bogdan, R. & Biklen, S. (1982). *Qualitative research for education: an introduction to theory and methods*. London: Allyn and Bacon.
- Briere. J. (1995). *Trauma Symtom Inventory*, USA: Psychological Assessment Resources Inc.

- Brown. T. A dan Barlow. D. H. (2007). *Casebook in Abnormal Psychology*. United States: Thomson Wadsworth.
- Burgess, R.G. (1988). *Conducting qualitative research*. Greenwich: JAI Press.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan edisi kedua*. Malaysia: Mc Graw Hill
- Coleman, J.W. dan Cressey, D. R. (1993). *Social Problems*, 5thEd. Harper Collins.
- Creswell, J.W. (2009). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Dalpia. C. M. (2006). *Family Violence and Its Degrees of Deviance: Understanding the Truth or Paying the Consequences*. London: Praeger Publisher.
- Dayang Tiawa Awg Hamid dan Abdul Hafidz Omar (2009). *Analisis Data Kualitatif*. Nasmaz Sdn. Bhd. Skudai Johor dan Universiti Teknologi Malaysai (UTM), Skudai Johor.
- Dee Deporto. (2003). *Battered Women and Separation Abuse: A Treatment Approach Based on "Knowing"*. United States: Sage.
- Denzin, N.K. (2001). *Handbook of qualitative research* (2nded.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Denzin, N.K. (2001). *Handbook of qualitative research* (2nded.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Droz, E. (2001). *Dealing with crisis and traumatic events*. University Counseling Center, Binghamton University.
- Emmet, D. (1979). *The Moral Prism*. Palgrave MacMillan.
- Garrett, H. E. (2007). *Statistics in Psychology and Education*. New Delhi: Paragon.
- Gay, L.R., Milss, G.E. and Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Gillham, B. (2005). *Research Interviewing the Range of Technique*. England: Open University Press.
- Grant, Jon, E dan Potenza, M.N. (2007). *Textbook of Men's Mental Health*. Washington: American Psychiatric.

- Gullota, T.P., Adams, G.R. dan Alexander, S. J. (1986). *Today's Marriages and Families, A wellness Approach*. Cole Publication.
- Hamidah Abd Rahman (2008). *Faktor Penyumbang kepada Masalah Keluarga Tunggal dan Penceraian: Kajian Kes di Negeri Johor Darul Takzim*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamidah Abd Rahman (2008). *Isu dan Faktor Keluarga Bermasalah di Kalangan Orang Melayu: Kajian Kes di Negeri Johor Darul Takzim*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamidah Abd Rahman dan Hamdan Abdul Kadir (2008). *Masalah Keluarga Melayu Bandar: Isu dan Cabaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hollway, W. & Jefferson, T. (2000). *Doing qualitative research differently: free association, narrative and interview method*. London: Sage.
- Hussain Mahamad (1997). *Peranan Agensi Kerajaan: Kementerian Kebajikan Masyarakat, Seminar Kaunseling ke Arah Keluarga Bahagia*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Ida Hartina. (2006). *Memimpin Kaunseling Kelompok: PTS Profesioanal*
- Jai Zabdi dan Mohd Yusof (2004). *Jenayah dalam Keluarga: Penderaan dan Pengabaian Keluargadi Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2004). *Jenayah keganasan rumah tangga*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2010). *Buletin: Masalah Kemurungan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kennedy, E.. (1990). *Crisis counseling an essential guide for nonprofessional counselors*. New York: The Continuum Publishing Company.
- Kopala. M dan Keitel. M. A (2003). *Handbook of Counseling Women*. United States: Sage.
- Laman web Jabatan Kebajikan Masyarakat: www.jkm.gov.my/ dilayari pada 13 Januari 2013
- Laman web Polis Diraja Malaysia: www.rmp.gov.my/ dilayar pada 5 Januari 2013

- Langstaff .D, & Christie.J. (2000). *Trauma care: A team approach*. Edited. Oxford Aukland: Butterworth Heinemen.
- Levinson, D. 1989. *Family Violence in Cross Cultural Perspective*. Sage: Newbury Park, CA.
- Lily Mastura Harun Dan Ramlan Hamzah (2007). *Asas Kaunseling Keluarga*. UPENA. Selangor
- Linda Waite (2002). *Unhappy With Marriage*. Institute For American Values.
- Lukman Z. Mohamad (ed).(2002). *Keluarga, Gender Dan Cabaran Sosial Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Utusan Publication
- Mahani Che Ibrahim. (1997). *Wanita dan Keluarga Dari Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizatul Akmam Abu Bakar, Hazalina Mohd Haniff, Latifenossadat Madanian dan Faizah Abd Ghani(2008). *Keganasan Rumah Tangga : Corak, Punca Dan Kaedah Penyelesaian*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Mckee. D. A dan Dingee. J. (2003). *Treatment of Anxiety Disorders*. United States: Sage.
- Mertens, D.M. (2005). *Research and Evoluation in Education and Psychology. Integrating, Diversity with Quantitative, Qualitatif and Mixed Methods*. 2nd. Edition. United Kingdom: SAGE Publication Inc.
- Meyer. R. G, Chapman. L. K dan weaver. C. M. (2009). *Case Studies in Abnormal Behavior*. United States: Peorson
- Michaei, C.M., Patricia, C.P. and Frances, R.P. (2009). Step by-step guide to critiquing research. Part 1: *Quantitative Research British Journal of Nursing*, 16(2).
- Mohd Hasnawi Zainab. (2013). *Suami Mithali Idaman Seorang Wanita*. Selangor: Jasmin Publication.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nacey, A. (1997). *Understanding Violence Against Women*. Nation Research Council.
- Nahmiash, D. (2002). *Abuse and Neglect: Identification, Screening dan Intervention*. Sydney: Mc Graw Hill
- Nahmiash, D. (2004). *Children and Domestic Violence*. Washington: National Adoption Information Clearinghouse.
- Ng Yen Ti (2010). *Institut Kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Shafiza Shoaib. (2010). *Perceraian Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008. Kajian Di Mahkamah Rendah Syariah Padang Terap*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Noraini Omar. (2011). *Perceraian Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Noriah Kasnon. (2012). *Ucapan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Persidangan Kemuncak Wanita*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Othman Napih dan Nurul Fitri Asmawi (2010). *Persepsi Pelajar Tahun Tiga dan Empat SPI, UTM Terhadap Institusi Kekeluargaan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Patterson, J. Dan Kim, P. (1991) *The Day America Told The Truth: What People Really Believe About Everything That Really Matters*. Practice Hall Trade.
- Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Keganasan Keluarga: Gejala Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Raihannah Abdullah (2009). *Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian*. *Jurnal Syariah*, 17(1): 1-30
- Rashidah Abdullah, Rita Raj-Hashim dan Gabriele Schmitt. (1995). *Battered Women in Malaysia- Prevalence, Problems dan Public Attitudes: Selangor Women's Aid Organization*.

- Ravneet Kaur and Suneela Grag. (2008). Addressing Domestic Violence Againsts Women: An Unfinished Agenda. *Indian Journal of Community Medicine* 33(2): 73–76
- Rennison. C. M (2003). *Intimate Partner Violence, 1993-2001"* Bureau of Justice Statistics. United State: Sage.
- Robert, L.H (1993). *Divorce, Family Conflict and adolescent, Well Being.* Journal or Health and Social Behaviour. University Press.
- Roslee Haji Abbash (2009). Keganasan Keluarga dari Perspektif Psikologi. *Jurnal Kebajikan*, 21(2): 15-21.
- Rukiah Bahari, Najmi Hayati Usman, dan Mohd. Tajuddin Ninggal. (2008). *Rumahku Syurgaku: Bagaimana Menyelesaikan Masalah Keganasan Rumah tangga?* Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Sabitha Marican. (2006). *Kaedah penyelidikan sains sosial.* Malaysia: Prentice Hall.
- Salina Abdullah. (2003). *Buku Panduan Keganasan Rumah Tangga.* Era Consumer Malaysia.
- Sapura Sipon dan Ruhaya Hussin. (2011). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi.* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Zalikhah Md. Nor dan Zaleha Kamaruddin. (2010). *Keluarga syurga: Wanita dan Undang-Undang.* Selangor: Blue-T Publication sdn bhd.
- Utusan Malaysia. (1999). *Kadar Penceraian di Malaysia*
- Velasquez. M. M dan Stotts. A. L. (2003). *Substance Abuse and Dependence Disorder in Women.* United States: Sage.
- Walker, L. (1979). *Theories about abuse, the cycle theory of battering.* Sage Publication
- WAO. (1992). *WAO Annual Statistics (1992).* Selangor: Women's Aid Organization.
- WAO. (2002). *A Life Free From Violence: A Self-Help Guide.* Selangor: Women's Aid Organization.
- WAO. (2003). *WAO Annual Statistics (2003).* Selangor: Women's Aid Organization.

- WAO. (2011). Apakah Keganasan Terhadap Wanita. Selangor: Women's Aid Organization.
- WAO. (2012). WAO Annual Statistics (2012). Selangor: Women's Aid Organization.
- Wells. M, Brack. C. J dan Mcmichen. P. J. (2003). Women and Depressive Disorders. United States: Sage
- Woods, F. (1997). The Cycle of Domestic Violence. Sage Publication.
- Zulkiffly Ahmad (2006). Jenayah Keganasan Rumah Tangga, Siri Maklumat Jenayah, Selangor: Mostgain Resources Publication.
- Tengku Naufal Tengku Mansor. 2012. Keganasan Terhadap Wanita Satu Jenayah. Kertas Kerja Sambutan Hari Antarabangsa Menanagani Keganasan Terhadap Wanita 2012. Anjuran Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 19 Disember